

P.U. (A) 125.**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959****PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (No. 2) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sembilan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 April 2020.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “**Negeri Sembilan Darul Khusus**”—


(a) dengan menggantikan butiran 14 dengan butiran yang berikut:

“14. (*Laluan 195*): *Jalan Seremban–Bandar Baru Enstek*

Dari koordinat U 2.717222, T 101.918282 dan berakhir di koordinat U 2.719916, T 101.787511 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 13: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN (jarak sepanjang 21.555 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 12: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN peta yang berikut:

“PETA 13: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN



Dibuat 21 April 2020
 [KKR.PUU.110-1/6/9; PN(PU2)391/XXXVIII]

DATO’ SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]